



## JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA

### KENYATAAN MEDIA

#### OPS PINDAH

1. Jabatan Tenaga Kerja Negeri Selangor bersama-sama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Sepang telah mengadakan Operasi Pindah (OPS Pindah) ke penginapan pekerja di Sepang, Selangor kelmarin 26 Mac 2021. Operasi tersebut turut disertai oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Negeri Selangor, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Keseluruhan anggota dalam operasi ini melibatkan seramai 30 orang pegawai.
2. Hasil pemeriksaan mendapati satu tapak premis pembinaan yang menggajikan 343 pekerja asing yang mana dikategorikan sebagai *Person under Investigation (PUI)* telah dibiarkan mendiami penginapan yang sesak tanpa kemudahan asas disediakan kepada pekerja berkenaan. Selain itu penginapan yang disediakan tidak mendapat sebarang Perakuan Penginapan dari Jabatan Tenaga Kerja dan sehingga kini majikan gagal membuat sebarang permohonan untuk mendapatkan Perakuan tersebut.
3. Tindakan undang-undang melalui Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 446) di bawah Ordinan Darurat pindaan 2021 telah diambil terhadap majikan yang terlibat bagi memastikan usaha Kerajaan membendung penularan pandemik Covid-19 dapat dijayakan selain memastikan pematuhan kepada Akta 446 yang telah dikuatkuasakan.
4. Sehubungan dengan itu, JTK juga telah mengeluarkan Arahan Ketua Pengarah Tenaga Kerja iaitu mengarahkan majikan untuk memindahkan pekerja ke penginapan sementara lain yang sesuai tidak lewat daripada empat puluh lapan (48) jam dari tarikh dan masa Arahan tersebut dikeluarkan. Dan pihak

majikan telah memberikan kerjasama yang baik dengan melakukan pemindahan serta merta pekerja mereka ke penginapan sementara yang dipilih sendiri oleh majikan atas kelulusan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia melalui PKD Sepang.

5. Operasi Pematuhan Akta 446 ini dilakukan berterusan bagi memastikan penginapan pekerja mematuhi Akta 446 dan Peraturan-peraturan di bawahnya serta sesuai didiami. Ini adalah penting dalam memutuskan rantai penularan pandemik COVID-19 dalam kalangan pekerja.

**JABATAN TENAGA KERJA SEMENANJUNG MALAYSIA**  
**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
**27 MAC 2021**